

18/06/1997

Sun-Mix catat prestasi cemerlang

SUNWAY Building Technology Bhd (Suntech), mengumumkan anak syarikatnya yang terbabit dalam sektor konkrit siap bancuh, Sun-Mix Concrete Sdn Bhd (Sun-Mix) mencatat prestasi cemerlang sepanjang tahun kewangan 1996.

Menurut Suntech, anggota kumpulan SungeiWay Holdings Bhd (SungeiWay), anak syarikatnya itu mengunjurkan 29 peratus kepada keuntungan kumpulan tahun lalu berbanding 22 peratus setahun sebelumnya.

Pengerusi Suntech, Mirzan Mahathir, dalam laporan tahunan terbaru syarikat yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, berkata prestasi Sun-Mix itu disifatkan sebagai sangat menakjubkan.

Katanya, kenaikan ketara itu dihasilkan terutamanya oleh pertambahan kapasiti kerana pada akhir 1996, Sun-Mix mempunyai sejumlah 37 loji pembancuh dan 250 trak pembancuh.

Mirzan berkata, sebagai sebahagian daripada rancangan pengembangan perniagaan Sun-Mix, syarikat bercadang untuk membangunkan kemudahan pam konkrit untuk mendapatkan lebih banyak pulangan daripada bahagian itu.

Menurutnya, satu lagi cabang perniagaan kumpulan iaitu Sun-Block Sdn Bhd (Sun-Block) mengekalkan kedudukannya sebagai penyumbang tertinggi kepada jumlah keuntungan kumpulan sepanjang tahun lalu.

Beliau berkata, sepanjang tahun kajian, bahagian berkenaan berjaya menyumbang sebanyak sepertiga atau sejumlah kira-kira 33 peratus kepada keuntungan sebelum cukai kumpulan Suntech.

Menurutnya, syarikat berkenaan berjaya mengekalkan kedudukannya sebagai satu daripada pengeluar batu penurap utama di negara ini dan mampu menguasai sebahagian besar daripada pasaran produk itu.

Katanya, selepas berjaya menguasai kira-kira 30 peratus pasaran tempatan, syarikat itu kini sedang berusaha meningkatkan pengeluaran dengan sebuah loji baru di Pulau Pinang.

Menurutnya, dengan tambahan itu, jumlah kapasiti pengeluaran Sun-Block dijangka bertambah kepada 100,000 meter persegi sebulan dan pemasarannya perlu dilakukan dengan lebih agresif. Bagaimanapun Mirzan berkata, kumpulan yakin dengan potensi produk itu kerana beberapa projek infrastruktur utama seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang memberi pasaran yang baik.

Selain itu, kompleks sukan Komanwel di Bukit Jalil, laluan kedua Malaysia-Singapura dan pusat pentadbiran baru kerajaan di Putrajaya juga menjanjikan pasaran yang baik untuk produk Sun-Block.

Sementara itu, sebagai usaha meluaskan pembabitan, Sun-Block juga sudah meneroka kegiatan pengeluaran paip konkrit dengan penubuhan loji di Puchong pada Disember 1996. Syarikat juga sudah mendapat kontrak membekalkan paip konkrit kepada KLIA.

Pada masa yang sama, syarikat berkenaan juga meneroka kegiatan pengeluaran jubin konkrit bermutu tinggi menerusi penubuhan kilangnya yang pertama di Batang Kali, Selangor yang beroperasi pada suku ketiga tahun ini. Jubin konkrit itu boleh digunakan untuk pemasangan lantai dan lanskap kerana ia boleh dihasilkan dalam pelbagai bentuk dan permukaan seperti agregat permukaan terdedah serta jenis lain.

(END)